

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK :
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENSYARAH :
EN. NURHALIM HJ. IBRAHIM

KUMP. 35
PENULIS

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAH BT. HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK:
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENULIS:

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAH BT HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji-pujian ke atas Allah SWT dan junjungan besar

Nabi Muhammad SAW

Terlebih dahulu ingin dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami telah dapat menyempurnakan tugas dan penulisan ini dengan jaya. Tugas berkumpulan dan penulisan ini dihasilkan bagi memenuhi syarat Kursus EPS 211 Masyarakat dan Perubahan bagi semester 1 ini.

Sesungguhnya kejayaan penghasilan penulisan ini adalah hasil kerjasama dan gabungan tenaga dan fikiran semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus untuk mencari dan mengumpul maklumat bagi memenuhi maksud tajuk tugas ini iaitu Adat Perpatih: Perbandingan Antara Suku Paya Kumbuh Dengan Suku Biduanda Di Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan.

Kesempatan ini juga diambil bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelaras Kursus ini iaitu Encik Nurhalim Hj. Ibrahim yang turut menyumbangkan buah fikiran serta tunjuk ajar bagi menyempurnakan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada dua orang sumber utama iaitu Dato' Hj. Idris Tain dan Dato' Jong Kaya Hj. Mohammad B. Said yang banyak memberi maklumat tentang suku Paya Kumbuh dan suku Biduanda Waris kepada kumpulan ini semasa ditemu ramah. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga mereka di atas layanan mesra semasa kunjungan muhibah kami.

Akhir kata, adalah diakui bahawa penulisan ini masih belum sempurna dan mantap. Oleh itu, sebarang teguran membina amatlah diperlukan bagi memperbaiki penulisan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Penulis:

Sulaiman B. Hj. Baharin (43735)

Fadilah Bte Idris (44017)

Salim B. Atan (41876)

Ramlah Bt Hj. Amin (42589)

Jasudin B. Mamat (41799)

Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

08 September 1995

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Adat Perpatih Secara Umum	3
1.2	Ruang Lingkup	5
1.3	Batasan Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	5
2.0	SEJARAH LUAK ULU MUAR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Asal-usul Nama Luak	8
2.3	Sejarah Ulu Muar	14
2.3.1	Persempadanan Ulu Muar	17
2.3.2	Penduduk Asal	19
2.3.3	Kedatangan Orang Minang- kabau	21
2.4	Pentadbiran Luak	24
2.4.1	Fungsi Lembaga dan Buapak	26
2.4.2	Pesaka Penghulu Luak	27
3.0	SUKU PAYA KUMBUH	33
3.1	Asal-usul	33
3.2	Sistem Pentadbiran	35

3.2.1	Pesaka Lembaga	36
3.2.2	Tugas Utama Dato' Lembaga	38
3.2.3	Proses Kerjan	39
3.3	Adat Istiadat	40
3.3.1	Perkahwinan	40
3.3.2	Mas Kahwin	43
4.0	SUKU BIDUANDA	44
4.1	Asal Usul/Latar Belakang Suku Biduanda Di Ulu Muar	45
4.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	46
4.3	Adat Istiadat	47
4.3.1	Mas Kahwin	47
4.3.2	Kahwin Sesama Suku	47
5.0	PERBANDINGAN ANTARA SUKU PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA WARIS	49
5.1	Taraf Suku	49
5.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	50
5.3	Gelaran-gelaran	52
5.4	Adat Istiadat	53
5.4.1	Mas Kahwin	53
5.5.2	Kahwin Sesuku	54
6.0	KESIMPULAN	55

DAFTAR RAJAH

1. Peta Luak Ulu Muar
2. Salasilah Keturunan Pembesar di Negeri Sembilan
3. Salasilah Keturunan Keluarga Minangkabau di Ulu Muar
4. Struktur Organisasi Pentadbiran Adat Luak Ulu Muar
5. Senarai Pesaka Penghulu Luak Ulu Muar
6. Rajah Senarai Buapak Suku Paya Kumbuh di Ulu Muar
7. Senarai Penyandang Pesaka Lembaga Suku Paya Kumbuh di Luak Ulu Muar
8. Kadar Mas Kahwin Dalam Suku Paya Kumbuh
9. Struktur Organisasi Pentadbiran Suku Biduanda di Luak Ulu Muar
10. Kadar Mas Kahwin Luak Ulu Muar (Suku Biduanda)
11. Struktur Organisasi Pentabiran
12. Perbandingan Gelaran-gelaran Antara Suku Paya Kumbuh dengan Suku Biduanda
13. Perbandingan Kadar Mas Kahwin Antara Suku Paya Kumbuh dengan suku Biduanda

BAB SATU

1.0 PENDAHULUAN

Adat Perpatih adalah merupakan adat yang diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan. Adat ini telah diamalkan sejak beratus-ratus tahun dahulu sehinggalah pada hari ini.

Apabila disebut tentang adat, terdapat pelbagai tanggapan oleh masyarakat tentang tafsiran istilah adat itu sendiri. Dengan kata lain, apakah sebenar-benar 'adat' itu. Ada sesetengah masyarakat mengaitkan istilah adat ini dengan adat istiadat yang kebiasaan atau lazim kita lihat dan lakukan seperti adat meminang, adat bercukur anak, adat berandoi, adat nikah kahwin sehinggalah kepada adat istiadat yang berkaitan dengan istana.

Manakala sesetengahnya pula sering mengaitkan adat dengan 'adat resam' atau 'adat' dan 'resam'. Kedua-dua tanggapan ini tidak cukup dan jelas untuk mendukung maksud 'adat' itu sendiri. Adat istiadat itu lebih merupakan 'kebiasaan' manakala 'adat resam' pula tidak boleh dipisahkan tentang maksud dan sifatnya, malah konsepnya pun dika-takan sama juga.

Secara ringkasnya, adat pada umumnya adalah satu-satu amalan yang ghalib atau biasa dilakukan oleh satu-satu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-sehari. Dari bilangan atau kelompoknya yang kecil akhirnya menjadi besar dengan bilangan manusia semakin membiak maka lahirlah apa yang dikatakan negeri atau negara. Dari situ-lah, kelompok tadi terus menggunakan akal dan fikirannya mengatur cara hidup mereka dengan menjadikan adat dan kebiasaan itu untuk mentadbir negeri dan negaranya.

Begitu jugalah dengan adat perpatih yang telah diwarisi dan dipesakai dari nenek moyang oleh bukan sahaja masyarakat Melayu di Negeri Sembilan bahkan juga di beberapa daerah di negeri Selangor, Melaka, Perak dan Johor. Adat ini mengandungi 12 suku atau kelompok keturunan yang utama. Antaranya ialah Suku Biduanda dan Suku Paya Kumbuh yang akan menjadi perhatian dan kajian utama dalam penulisan ini terutamanya secara perbandingan antara kedua-dua suku tersebut. Suku-suku ini dipilih kerana ia amat menarik perhatian kumpulan ini lebih-lebih untuk memperdalam lagi ilmu dan pengalaman pengkaji dan peminat adat dan budaya bangsa.

Seterusnya dapat mengurangkan kesamaran dan salah faham antara kebanyakan orang terhadap adat perpatih khusus

nya bagi suku Biduanda dan suku Paya kumbuh yang mana dari segi status 'taraf jatinya' berbeza sekali.

1.1 Adat Perpatih Secara Umum

Adat perpatih yang dianuti oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau di Sumatera. Adat ini telah dibawa oleh perantau-perantau Minangkabau yang pada awalnya datang dari daerah-daerah di sekeliling dari daerah, Luak Nan Tigo.

Adat ini sebenarnya telah disusun oleh Dato' Pertama atau sebenarnya Sultan Balun. Adat yang disusun selepas abad ke-13 itu disebut 'Adat Tuah Disakato' bertujuan untuk menggantikan undang-undang yang sebelumnya, iaitu Undang-undang Tariék Balieh) yang dianuti masyarakat Minangkabau. Adat ini telah dibawa oleh beliau ke tanah besar Semenanjung Tanah Melayu terutama di Rembau.

Dari Rembau inilah, adat ini terus berkembang dan tersebar luas ke seluruh Negeri Sembilan. Ini termasuklah di 'Luak Tanah Mengandung' yang terdiri daripada Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Gunung Pasir, Luak Terachi dan Luak Inas.

Berdasarkan pengelompokkan, adat perpatih terbahagi kepada kelompok-kelompok seketurunan yang mana kelompok terbesarnya disebut sebagai 'suku'. Suku mengandung lebih daripada sebuah perut. Suku juga terdiri daripada sekelompok manusia yang mengakui diri mereka mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain (Nurhalim Hj. Ibrahim, 1995:9).

Secara amnya, terdapat dua belas suku dalam adat perpatih. Antara dua belas suku itu kecuali suku Biduanda dan suku Anak Melaka, semua nama suku ini adalah nama asal kampung di Minangkabau. Suku-suku tersebut ialah:

1. Biduanda
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh
4. Mungkal
5. Tiga nenek
6. Semelanggang (Seri Melenggang)
7. Selemak (Seri Lemak) Pahang
8. Selemak Minanggung akhbar
9. Tiga Bato
10. Tanah Datar
11. Anak Melaka
12. Batu Belang.

1.2 Ruang Lingkup

Dalam penulisan ini, kajian akan hanya tertumpu kepada dua suku sahaja, iaitu suku Biduanda dan suku Paya Kumbuh yang terdapat dan dianuti oleh masyarakat Melayu di Luak Ulu Muar iaitu di Kuala Pilah.

1.3 Batasan Kajian

Berdasarkan kepada batasan masa, kajian ini mencakupi waktu sejak dari dahulu lagi iaitu sejarah awal kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan sehinggalah perkembangannya pada masa kini.

Sebagaimana tajuk penulisan kajian ini maka sudah sewajarnya bidang kajian penulisan ini menumpukan suku Paya Kumbuh dan suku Biduanda dalam adat perpatih. Kajian ini juga berlatarkan Luak Ulu Muar di Kuala Pilah. Ini termasuklah bandar Kuala Pilah sehinggalah ke Seri Menanti.

1.4 Kaedah Kajian

Dalam usaha untuk memperoleh maklumat yang sahih lagi tepat, pihak penulis telah sedaya upaya menggunakan

seberapa banyak kaedah kajian dan penulisan ini. Antara kaedahnya ialah soal selidik, temu ramah, lawatan, pemerhatian dan rujukan..

Untuk menjalankan soal selidik ini, borang-borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada beberapa orang sumber dan masyarakat adat tempatan di Kampung Parit, Kampung Dioh dan Kampung Jati di Kuala Pilah. Kajian ini turut menjalankan beberapa sesi temu ramah dengan dua tokoh sumber, iaitu Dato' Lembaga Suku Paya Kumbuh, Dato' Senara Kaya Dato' Haji Idris bin Tain dan Buapak Suku Biduanda, Haji Ahmad.

Dalam sidang temu ramah tersebut, para pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk diajukan kepada dua orang tokoh adat itu. Kami telah berkunjung ke rumah mereka dan perbualan kedua-dua tokoh sumber itu telah dirakam dan dicatat agar segala maklumat perlu dapat direkodkan untuk diteliti semula dan disunting kemudiannya. Hasil temu ramah ini sungguh berkesan dan berjaya. Di samping itu penulis turut memperoleh bahan-bahan berupa risalah tentang adat dan sumber rujukan utama tentang adat di Tanah Luak Mengandung serta bahan-bahan bercetak yang lain.

Bagi mendapatkan pengalaman sebenar, penulis turut mengadakan lawatan ke beberapa tempat tertentu. Selain berkunjung ke rumah dua orang tokoh adat tersebut, penulis berkesempatan melawat ke beberapa buah kampung dan Sungai Muar yang menjadi pangkalan utama untuk menghilir mudik ke Muar. Semasa lawatan inilah penulis sempat membuat pemerhatian ke atas suasana kehidupan masyarakat adat dan persekitaran lokasi yang dikaji. Penulis juga berpeluang untuk melihat gambar-gambar upacara adat yang terdapat dalam koleksi tokoh adat. Penulis turut rasa bertuah kerana diberi kesempatan untuk menonton rakaman video tentang satu peristiwa 'pengerjanaan' buapak suku Biduanda semasa berkunjung ke teratak beliau.

Untuk melengkapkan lagi usaha pengumpulan maklumat pihak penulis telah membuat rujukan di perpustakaan terutama terhadap beberapa naskah penulisan adat perpatih. Hasil daripada kaedah-kaedah digunakan telah dikumpul, diteliti, dinilai dan disusun semula serta ditulis dalam bentuk penulisan sebegini.

BIBLIOGRAFI

1. A. Samad Idris (1960) : Takhta Kerajaan Negeri Sembilan,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
2. _____ (1968) : Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
3. _____ dan Rakan-rakan, (1994) : Negeri Sembilan Gemuk
Berpupuk Segar Bersiram; Luak Tanah Mengandung,
Shah Alam; Malindo Printers Sdn. Bhd.
4. Buyong Adil, (1979) : Sejarah Johor, Kuala Lumpur; Dewan
Bahasa dan Pustaka.
5. Harun Che Su (1981) : Geografi Fizikal, Petaling Jaya,
Fajar Bakti Sdn Bhd.
6. Nurhalim Hj. Ibrahim, (1995) : Negeri Yang Sembilan,
Shah Alam; Fajar Bakti Sdn. Bhd.

ORANG SUMBER

Nama Tokoh : Dato' Hj. Idris B. Tain

Jawatan : Dato, Lembaga

Suku : Paya Kumbuh

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Senara Kaya

Nama Tokoh : Dato' Hj. Mohammad B. Said

Jawatan : Buapak

Suku : Biduanda Waris

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Jong Kaya